

# Pakej strategi baru beri kesan baik pertumbuhan ekonomi

UM 18 JUL 2003

SINTOK 17 Julai – Pakej strategi baru ekonomi yang diumumkan” oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pertengahan bulan Mei lalu telah memberi kesan yang baik kepada pertumbuhan ekonomi negara sekarang.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini dapat dilihat daripada prestasi Indeks Komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang semakin baik dan pengeluaran industri tempatan yang semakin bertambah.

Pada 3 Julai lalu, IK BSKL telah memecah ke paras 703.26 mata iaitu paras tertinggi yang pernah dicapai buat kali pertamanya sejak bulan September tahun lalu.

Paras tertinggi IK pada 5 September tahun 2002 menyaksikan IK ditutup pada 705.95 mata.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan tidak bertindak awal untuk menangani keadaan ekonomi negara yang tidak stabil ekoran wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan kesan peperangan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat, pasti ekonomi nega-

ra akan menghadapi masalah yang lebih serius pada masa depan.

“Kesan positif telah kita lihat sekarang ini dan apa yang pasti, dengan adanya pakej itu ia akan dapat memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan ceramah Wacana Kewangan dan Ekonomi: Isu dan cabaran dalam menangani krisis ekonomi serantau dan pelan tindakan Malaysia di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Ceramah yang dianjurkan oleh Sekolah Kewangan dan Perbankan UUM itu turut menjemput Timbalan Ketua Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi, Datuk Halipah Esa dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Kolej Universiti Islam Malaysia, Prof. Dr. Mohammad Alias.

Pada 21 Mei lalu, kerajaan telah mengumumkan Pakej Strategi Baru Ekonomi bernilai RM7.3 bilion sebagai usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang terjejas akibat ketidaktentuan ekonomi global.